

25/11/1999

Penulis sangkal dakwaan pembangkang PM zalim

KUALA LUMPUR, Rabu - Penulis buku ramalan politik, SH Alatas, menganggap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak zalim seperti yang digambarkan oleh sesetengah pihak, terutama parti pembangkang.

Katanya, ini terbukti dengan tiadanya tindakan terhadap penulis, termasuk beliau sendiri yang menghentam dan mengkritik hebat pemimpin negara dan Presiden Umno itu.

"Hingga hari ini penulis seperti saya dan ramai yang lain masih tidak ditangkap kerana menulis soal negatif mengenainya dan pemimpin kerajaan lain," katanya.

Beliau banyak menulis mengenai Dr Mahathir dan pergolakan politik Umno dan BN serta mendapati tokoh politik ini tidak sezalim yang digambarkan oleh musuh-musuh politiknya.

Alatas juga menyangkal dakwaan sesetengah pihak yang selepas membaca buku itu menuduh kononnya beliau sudah berpaling tadah kepada Barisan Nasional (BN) dan kerajaan dengan menulis perkara yang menyokong mereka.

"Memang selama ini saya dikatakan menulis menentang Dr Mahathir dan kerajaan, tetapi sekarang dikatakan tidak lagi setelah mengetahui perkara yang sebenar," katanya.

Beliau berkata, orang ramai perlu rasional dan adil ketika membuat penilaian mengenai sesuatu masalah atau isu. Jika benar katakan benar tanpa perlu berasa takut.

Alatas menjelaskan selama ini pun apa yang dituliskannya ada yang sebenarnya dan tidak peduli jika ada pihak tidak senang dengannya.

Mengenai pilihan raya umum Isnin ini, Alatas meramalkan Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan berjaya mengekalkan kerusi Parlimen masing-masing.

Mengenai buku terbarunya 'Wira, Juara atau Penderhaka', beliau berkata kira-kira 20,000 naskhah sudah berada di pasaran dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Katanya, beliau menulis buku itu dalam masa dua minggu atas permintaan orang Pas, tetapi buku berkenaan kini tidak dibenarkan diiklan dalam lidah rasmi Pas, Harakah.

Wira, Juara atau Penderhaka adalah buku ke-36 dan 'paling berani' yang dihasilkan Alatas setelah menerbitkan buku kontroversial seperti Talqin Umno, Musa A Traitor dan Siapa Lawan Siapa.

(END)